

Pilih simpulan bahasa yang sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat di bawah.

kepala batu	mengikut jejak	gaji buta	buah fikiran
tangkai jering	pencuci mulut	besar hati	darah daging
ayam tambatan		langkah kanan	

1. Ketika ke rumah Adam, Yusri _____ kerana keluarga Adam mengadakan kenduri.
2. Fahmi tidak mahu mendengar nasihat kerana dia _____.
3. Vicky berasa _____ apabila dapat bertemu dengan tokoh sukan yang diminatinya.
4. Irfan yang dipilih sebagai Tokoh Murid itu merupakan _____ pasukan boling sekolah.
5. Dalila mengangkat tangan lalu memberikan _____ tentang isu disiplin.
6. Samihah belajar dengan tekun kerana mahu _____ kakaknya melanjutkan pelajaran ke universiti.
7. Encik Gui yang _____ itu tidak berminat untuk menghulurkan derma.
8. Ayah menasihati abang supaya rajin bekerja dan bukannya makan _____ semata-mata.
9. Ibu menyediakan puding jagung sebagai _____ selepas makan tengah hari.
10. Pauline tidak sampai hati membiarkan _____ nya hidup susah.

Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

1. Husna tidak mahu ke majlis hari jadi Vida kerana gadis sombong itu _____ sahaja.
2. Di rumah Erin terdapat banyak bahan bacaan kerana keluarganya _____.
3. Harga televisyen itu _____ dan tidak boleh ditawar lagi.
4. "Dengan usaha gigih, saya pasti kejayaan ini berada _____ kita," kata Fadli kepada kawan-kawannya.
5. Sufiza hanya makan sebiji karpap sebagai _____ sebelum pergi ke kelas tuisyen.
6. Pak Saleh mudah terjaga pada tengah malam kerana dia _____ sahaja.
7. Datuk Khoo dengan _____ telah mendermakan RM10 000 bagi membaiki dewan sekolah yang rosak itu.
8. Ipen tidak mampu membayar faedah tinggi yang dikenakan oleh _____ itu.

dalam tangan
murah hati
tidur-tidur ayam
ajak-ajak ayam
harga mati
lintah darat
ulat buku
alas perut